

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 APRIL 2016

# 'Sahabat saya tidak akan lari, khianati sumpah setia ahli UMNO' - PM

Um - 14/4/2016

**KUALA LUMPUR 13 April** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menghargai kesetiaan ahli-ahli UMNO yang pernah berjuang bersama beliau dalam Pergerakan Pemuda UMNO dahulu sehingga hari ini.

Beliau berkata, sahabat-sahabat seperjuangan beliau itu masih tetap bersemangat dan tidak pernah luntur untuk mempertahankan, menegakkan dan meneruskan perjuangan parti UMNO yang dicintai.

Najib yang berkesempatan bersama teman-teman beliau itu dalam satu majlis di Putrajaya semalam berkata, mereka merupakan sahabat-sahabat yang boleh bergantung harap untuk mempertahankannya bukan sahaja sebagai Presiden UMNO, malah sebagai sahabat yang telah dikenali berpuluh tahun lamanya.

"Saya tersentuh hati melihat kehadiran mereka yang datang dari serata Malaysia untuk meluangkan masa bersama saya.

"Ada yang kini masih aktif dalam dunia politik dan kerjaya, ada pula yang telah lama bersara. Ada yang dah bertahun-tahun saya tak jumpa, ada juga yang telah meninggalkan kita dan diwakili petang semalam oleh balu dan waris mereka.

"Walaupun kebanyakan daripada mereka kini berada dalam dekad ke-60 hidup di dunia ini, tetapi semangat mereka mempertahankan, menegakkan dan meneruskan perjuangan parti UMNO yang kita cintai ini tidak pernah sedikit pun luntur," katanya dalam blog beliau, [www.najibrazak.com](http://www.najibrazak.com) hari ini.

Menurut Perdana Menteri, nilai antara beliau dan sahabat tidak boleh dibandingkan dengan material, tetapi dilihat lebih tinggi dalam erti sebuah persahabatan ikhlas yang tidak boleh dijual beli dan mereka akan setia bersama dalam apa jua keadaan.

Sehubungan itu, beliau percaya, mereka tidak akan lari atau mengkhianati sumpah setia sebagai ahli UMNO.

"Semua yang hadir dalam deewan semalam adalah sebahagian daripada sejarah UMNO, kerana tanpa sokongan Pemuda ketika UMNO dilanda konflik `team A' dan `team B' suatu ketika dulu,



**Waktu Solat**

SUBUH SYURUK ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK



**MBSB**

Malaysia Broadcasting Services Board

<b>KUALA LUMPUR</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.52	7.08	1.17	4.26	7.21	8.31
<b>PULAU PINANG</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.55	7.11	1.21	4.29	7.27	8.37
<b>KUANTAN</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.47	7.04	1.11	4.21	7.15	8.25
<b>JOHOR BAHRU</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.45	7.02	1.08	4.19	7.12	8.21
<b>KUCHING</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.20	6.37	12.43	3.54	6.47	7.56

**Insya-Allah, sama-sama kita kekalkan tali silaturahmi yang telah terjalin sekian lama, terus setia dalam persahabatan, ikhlas dalam perjuangan dan sumpah setia kita untuk UMNO, untuk bangsa dan untuk negara."**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

tidak mungkin parti kita akan pulih dan bangkit menjadi parti yang hebat seperti hari ini.

"Macam mana pun, walau apapun yang berlaku, kita nak jaga parti UMNO keramat kita ini dan tanah air kita untuk generasi akan datang, untuk anak-anak dan cucu-cucu kita.

"Insya-Allah, sama-sama kita kekalkan tali silaturahmi yang telah terjalin sekian lama, terus setia dalam persahabatan, ikhlas dalam perjuangan dan sumpah setia kita untuk UMNO, untuk bangsa dan untuk negara," katanya.